



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

25 September 2015 / 11 Zulhijjah 1436

Kehidupan Dunia Dan kepentingan Bersyukur

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، الَّذِي بَعَثَ مُحَمَّدًا بَشِيرًا وَنَذِيرًا
وَدَاعِيًا إِلَى اللَّهِ وَسِرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، صَلَاةً
وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِي وَنَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan dengan berusaha gigih melaksanakan segala perintah Allah dan bersungguh-sungguh menjauhkan diri daripada melakukan sebarang tegahanNya. Hanya dengan takwa sahaja kita dipermudahkan mendapat bantuan Allah, bagi mendapat keredaanNya.

Saudaraku,

Lanjutan dari pengajaran yang terdapat dalam surah Al-Kahfi yang dihuraikan sebelum ini, saya pada hari ini akan menyentuh sebuah lagi kisah yang terdapat di dalam surah Al-

Kahfi. Ia berkaitan dengan kurniaan nikmat kehidupan duniawi, dan bagaimana kita seharusnya sentiasa bersyukur kepada ilahi di atas segala kurniaan tersebut. Dinyatakan dalam surah Al-Kahfi, ayat 32:

❖ وَأَضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا رَّجُلَيْنِ جَعَلْنَا لِأَحَدِهِمَا جَنَّتَيْنِ مِنْ أَعْنَابٍ
وَحَفَفْنَاهُمَا بِنَخْلٍ وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمَا زَرْعًا ﴿٣٢﴾

Yang bermaksud: *“Dan berikanlah kepada mereka sebuah perumpamaan, (kisah) dua lelaki. Kami telah jadikan bagi seorang di antara keduanya dua buah kebun anggur dan kami kelilingi kedua kebun itu dengan pohon-pohon korma dan di antara kedua kebun itu Kami jadikan ladang”*.

Pada permulaan kisah tersebut, Allah menjelaskan tentang dua orang lelaki, yang seorang dikurniakan nikmat dalam bentuk kemewahan dan kesenangan duniawi berbentuk tanam-tanaman dan ladang, sementara yang lain tidak memiliki kemewahan sepertinya. Maka selanjutnya Allah s.w.t. menjelaskan bagaimana yang mendapat kurniaan nikmat berbangga dengan kurniaan yang diterimanya, yang dipandang hanyalah nikmat sedang pemberi nikmat seperti tidak wujud dalam ingatannya. Sikap buruk ini dijelaskan Allah dalam surah Al-Kahfi:

وَكَانَ لَهُ شُرَفٌ فَقَالَ لِصَاحِبِهِ، وَهُوَ يُحَاوِرُهُ، أَنَا أَكْثَرُ مِنْكَ مَالًا وَأَعَزُّ
نَفَرًا ﴿٣٤﴾ وَدَخَلَ جَنَّتَهُ، وَهُوَ ظَالِمٌ لِنَفْسِهِ، قَالَ مَا أَظُنُّ أَنْ تَبِيدَ
هَذِهِ أَبَدًا ﴿٣٥﴾

Yang bermaksud: *“Dan dia mempunyai kekayaan besar, maka ia berkata kepada kawannya (yang mukmin) ketika berbicara dengan dia: “Hartaku lebih banyak dari pada hartamu dan pengikutku lebih kuat (darimu). Dan dia memasuki kebunnya sedangkan dia menzalimi dirinya sendiri; dia lalu berkata: “Aku rasa kebun ini tidak akan binasa selama-lamanya”*,

Saudaraku,

Demikian sikap manusia yang tidak menjadikan keimanan sebagai tiang seri dalam kehidupan, menyangka setiap miliknya akan kekal sehingga penggantungannya kepada Allah menjadi longgar. Malah sehinggakan mereka berpendapat bahawa kejayaan yang diraih selama ini adalah usahanya sendiri. Dalam keadaan ini, secara tidak langsung ia menolak peranan Allah. Dia lupa bahawa Allah yang mengurniakan kepada dirinya keluarga, kejayaan pendidikan, pekerjaan juga kehidupan. Dia lupa bahawa segalanya milik Allah dan nantinya akan kembali juga kepada Allah.

Pada ayat yang baru dibacakan tadi, Allah s.w.t. mengisahkan tentang seorang lagi lelaki, meskipun tidak memiliki harta yang banyak tetapi keimanan teguhnya kepada Allah. Keimanannya menjadikan ia tenang dan merasakan Allah bersamanya. Dia yakin Allah akan mengurniakan yang lebih baik untuk dirinya kerana sifatnya yang merendah diri serta sentiasa menjadi Allah s.w.t. sebagai satu-satu sandaran.

Saudaraku,

Dalam sebuah negara kosmopolitan seperti negara kita, kejayaan sering diukur dengan kekayaan atau status dalam masyarakat. Penghormatan kadangkala diberikan kepada mereka yang berada dan berkedudukan tinggi, kerana itu ramai yang ingin memiliki harta yang banyak dan hidup mewah.

Agama kita tidak melarang umatnya menjadi kaya dan berusaha untuk mencapai kesenangan duniawi, kerana ia lebih baik dari menadah tangan meminta-minta. Namun dalam kesibukan kita mencari kejayaan duniawi, matlamatnya mestilah jelas bahawa kekayaan yang ingin dicapai bukan hanya untuk kepentingan peribadi, atau menyangka bahawa kekayaan itu adalah segala-galanya. Sebaliknya kekayaan dan kejayaan yang Allah kurniakan seharusnya menjadikan diri kita semakin dekat kepada Allah. Kita perlu selalu beringat bahawa pada hakikatnya apa jua yang diperolehi adalah dengan izin dan pertolonganNya.

Oleh itu, orang mukmin tatkala mengecapi apa jua nikmat dan rezeki kurniaan Allah, dia akan sentiasa ingat kepada Yang Maha Memberi Rezeki, iaitu Allah s.w.t. Dia tidak lalai kerana terlalu memberikan tumpuan mengejar harta dan kekayaan sehingga lupa tanggungjawab terhadap Allah yang Maha Pengurnia. Bahkan dia semakin giat memperingati Allah dan memanfaatkan nikmat yang diraih untuk kebaikan orang ramai. Harta bukanlah matlamat dalam kehidupan tetapi sebagai alat

bagi meraih keredaan Tuhan. Rasulullah mengingatkan kita dalam doa yang diajarkan Baginda s.a.w:

وَلَا تَجْعَلْ مُصِيبَتَنَا فِي دِينِنَا، وَلَا تَجْعَلِ الدُّنْيَا أَكْبَرَ هَمِّنَا، وَلَا مَبْلَغَ عِلْمِنَا، وَلَا تُسَلِّطْ عَلَيْنَا مَنْ لَا يَرْحَمُنَا.

Yang bermaksud: *“Dan janganlah Engkau jadikan musibah kami dalam urusan agama kami, dan janganlah Engkau jadikan dunia ini sebagai cita-cita terbesar kami dan puncak dari ilmu kami, dan jangan Engkau jadikan orang-orang yang tidak menyayangi kami berkuasa atas kami”*. [Hadith riwayat At-Tirmidzi dan Hakim]

Setiap nikmat juga merupakan ujian Allah samada penerimanya akan lebih patuh atau menggunakan nikmat mengikut hawa nafsunya dan semakin jauh daripada Allah.

Saudaraku,

Dalam ayat 42 pada surah Al-Kahfi, Allah s.w.t. menjelaskan kesudahan kisah lelaki yang tidak bersyukur ke atas nikmat kurniaan Illahi. Allah berfirman yang bermaksud: *“Dan segala tanaman serta harta bendanya itu lalunya dibinasakan”*. Ketika itu barulah orang yang dikurniakan harta itu menyesal dengan sesalan yang tiada berguna. Hal ini mengingatkan kita bahawa di dunia ini tiada yang kekal. Allah s.w.t. memberi, di waktu yang sama Dia juga berkuasa untuk menarik kembali. Maka tatkala kita berada pada keadaan senang dan dipenuhi dengan

nikmat kurniaannya, jangan sekali-kali bongkak dan lupa diri. Pastikan zakat dibayar pada waktunya, hak anak isteri dan ahli keluarga ditunaikan dengan sempurna. Mudah-mudahan dengan demikian kekal keberkatan dalam kehidupan kita. Kita tidak tahu saudara, hari ini mungkin kita yang memberi, tetapi esok lusa mungkin sahaja kita yang menerima. Maka rancanglah dengan baik keperluan kita dan keluarga. Itu adalah antara tanda kita bersyukur dengan nikmatNya. Marilah saudara, pada saat-saat mustajab ini, kita panjatkan pengharapan kita kepada Allah s.w.t.

Ya Allah Tuhan yang Maha Penyayang jadikan kami hamba-hambaMu yang sentiasa bersyukur, tetapkanlah hati kami agar kami sentiasa menyintaimu dalam segala keadaan, peliharalah kami dari sebarang perkara yang mengancam keimanan. Sesungguhnya kami adalah hamba-hambaMu yang lemah maka kuatkanlah iman kami agar dapat terus menghidupkan agama dalam segenap aspek kehidupan dan perbuatan kami. Amin ya Rabbal alamin!

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.